

# Lunas: BN umum calon Jumaat

BH 15 NOV 2000  
Oleh Hassan Omar

KULIM, Selasa – Nama calon Barisan Nasional (BN) yang akan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) N34 Lunas, di sini, akan diumumkan Jumaat ini, empat hari sebelum tarikh penamaan calon.

Nama calon dari MIC sudah dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan parti komponen BN Kedah. Perbincangan lanjut akan diadakan antara Pengerusi BN Kedah, Datuk Seri Syed Razak dengan Dr Mahathir, Khamis ini.

Syed Razak berkata, nama calon terbabit akan diumumkan di Bilik Gerakan BN di pekan Lunas, sejurus selepas pemimpin BN Kedah bermesyuarat pagi Jumaat ini.

Beliau berkata, BN Kedah bukan saja akan berusaha mengekalkan dua pertiga kerusi DUN Kedah, sebaliknya membuktikan parti itu masih mendapat sokongan sebahagian besar rakyat, khususnya di Lunas.

"BN negeri sudah bersetuju pilihan calon itu.

## **Nama calon dari MIC sudah dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan parti komponen BN Kedah**

Saya akan berjumpa Perdana Menteri Khamis ini. Tunggulah Jumaat ini," katanya ketika melawat Bilik Gerakan BN di pekan Lunas, dekat sini, hari ini.

Terdahulu, beliau dan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu melawat beberapa kawasan sekitar pekan Lunas bagi meninjau masalah penduduk.

Turut serta Pengarah Jabatan Kerja Raya negeri, Dr Yunus Nordin dan beberapa pegawai agensi kerajaan lain.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 21 November ini sebagai tarikh penamaan calon manakala hari pengundian ditetapkan 29 November.

Mengulas tarikh pengundian yang dijangka pada hari kedua Ramadan, Syed Razak berkata, BN yakin pengundi Islam akan me-

laksanakan tanggungjawab walaupun ketika berpua-

sa. "Di Sabah pernah diadakan pilihan raya waktu puasa. Saya yakin pengundi Islam akan keluar beramai-ramai memilih kerajaan BN sebagai parti yang membawa kemajuan dan kemakmuran di negara ini," katanya.

Sementara itu, Samy Vellu berkata, beliau berpuas hati persiapan jentera parti, khususnya MIC, sepanjang tiga hari beliau berada di kawasan itu.

"Semua jentera bekerja kuat. Saya tidak terima apa-apa laporan orang ada masalah. Orang-orang di sini semuanya kerja kuat.

"Saya yakin pengundi akan memilih BN kerana hanya parti ini yang membawa kemajuan dan pembangunan," katanya.